

BERITA HARIAN, RABU, 3 FEBRUARI, 1982

Mahathir kesal sikap wakil sah Kampuchea

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyekali sikap tegar setengah-setengah pihak di Kampuchea terhadap usaha mencari perdamaian di negara itu.

"Mungkin tidak lagi memberi faedah bagi kita menyokong kedudukannya di Bangsa-bangsa Bersatu," katanya.

Perdana Menteri menegaskan demikian sewaktu merasmikan perhimpunan agung Pertubuhan Antara Parlimen ASEAN, di Bangunan Parlimen, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir enggan menegaskan secara spesifik siapakah pihak dimaksudkan itu.

Ketika ditemui sesudah majlis perasmian, Perdana Menteri berkata, terserahlah kepada tafsiran individu, siapakah yang dimaksudkan sebagai bersikap tegar itu.

Difahamkan, Perdana Menteri kesal dengan rejim Pol Pot yang melambatkan proses mencari penyelesaian masalah Kampuchea.

Malaysia salah sebuah negara yang menyokong Pol Pot sebagai wakil Kampuchea yang sah di Bangsa-bangsa Bersatu.

"Kita di Asia Tenggara sekarang

memasuki satu era yang membahayakan. Adalah sungguh menyedihkan bahawa masalah Kampuchea yang kita hadapi sejak beberapa tahun lalu masih lagi jauh dari penyelesaian saksama," katanya.

Mengenai Afghanistan, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kehadiran Russia di negara itu merupakan satu ujian penting kepada prinsip yang kini dipegang teguh oleh ASEAN — tlada kuasa asing wajar masuk ke negara yang lemah untuk menegakkan kerajaan yang bekerjasama dengannya.

"Sekiranya prinsip ini dicabuli tanpa protes dari masyarakat sejagat, maka ASEAN dan lain-lain negara kecil akan hidup dalam ketakutan," katanya.

Konsep aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara yang kini dipegang teguh oleh ASEAN, tambahnya, selaras dengan prinsip tersebut.

Bellau menggesa ahli parlimen di negara-negara ASEAN meneruskan perjuangan menegakkan prinsip berkenaan sebagai asas kepada perhubungan antarabangsa yang sihat dan selimbang.

● Gambar di kanan menunjukkan Perdana Menteri merasmikan sidang tersebut.

